

Islam Hadhari perererat Malaysia-Britain

London mahu manfaat perkongsian pintar, pertingkat hubungan dua hala

Oleh Jamhariah Jaafar

SEBAGAI negara yang pernah menjajah Malaysia, Britain kini menawar kepakaran membantu Malaysia merealisasikan cita-cita dan impian mencapai status negara maju menjelang 2020.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Boyd McCleary, berkata satu daripada azamnya ialah melihat apakah matlamat dan cita-cita Malaysia, serta keperluan negara untuk mencapai wawasan itu.

"Saya fikir ada beberapa bidang yang kami fikir boleh bantu Malaysia dalam mencapai hasrat itu. Ia bukan bermakna United Kingdom (UK) mahu mengajar, memberitahu atau mengarah Malaysia yang pernah menjadi tanah jajahan Britain.

"Tetapi ia perkongsian pengalaman dalam bidang kami terokai, tetapi belum diterokai Malaysia. Mungkin kami boleh membawa kepakaran yang boleh memberi faedah kepada Malaysia, begitu juga sebaliknya," kata diplomat yang berkhidmat di Kuala Lumpur sejak tujuh bulan lalu.

Sekali imbas, pendapatnya boleh diangap angkuh dan cuba menunjuk-nunjuk. Namun, nada suara dan semangat ditunjuk McCleary ketika ditemu bual membuatkan dia bersungguh-sungguh memperbaiki hubungan dua hala Malaysia-Britain yang disifatkannya sendiri seperti *rollercoaster*.

Mengimbau kenangan lama terutama ketika Malaysia melancarkan kempen 'Buy British Last' pada 1990-an, McCleary tidak menolak kemungkinan negara ini mempunyai alasan tersendiri ketika melancarkan kempen itu dan berharap keadaan tidak menyenangkan itu kini hanya berada di lipatan sejarah.

"Saya cuma boleh mengatakan ketika itu kami mungkin tidak memberi perhatian sewajarnya kepada Malaysia. Pada pendapat saya, kami (Britain) memang bersalah kerana melayan Malaysia seperti 'kawan lama' yang tidak memerlukan perhatian seperti selalu kita lakukan pada kawan baru.

"Saya ingin mengubah keadaan itu sekarang. Saya ingin pastikan UK memberi lebih perhatian kepada Malaysia dan pada masa sama meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat terhadap pelbagai usaha UK untuk membantu Malaysia mencapai cita-citanya sendiri.

"Kerana itu mulai tahun ini, kami melancarkan program bersama bagi mencipta

peluang yang boleh memberi kesempatan kepada rakyat UK mengenali lebih dekat Malaysia dan sebaliknya, di samping mengukuhkan hubungan dalam bidang yang kedua-dua negara belum ada ikatan," kata diplomat itu lagi.

McCleary tidak silap apabila mengibaratkan hubungan dua hala kedua-dua negara sebagai *rollercoaster*, apa lagi selepas tragedi 9/11 yang membuatkan Britain menjadi sekutu terkuat Amerika dalam kempen memerangi keganasan yang memberi tekanan luar biasa kepada umat Islam termasuk negara Islam seperti Malaysia.

Justeru tegasnya, tugas utama pada peringkat awal sebagai Pesuruhjaya Tinggi di Malaysia ialah mengenali lebih dekat masyarakat Islam negara ini, mengadakan dialog dengan pelbagai kumpulan termasuk Pergerakan Pemuda Umno, menjelaskan pendirian serta penyertaan Britain terutama pencerobohan ke atas Iraq; isu umat Islam di Palestin dan serangan Israel ke atas Lubnan.

Beliau sedar, di kalangan umat Islam termasuk rakyat di Malaysia, Britain sentiasa dilihat memusuhi Islam dan dasar negara terutama ketika membuat keputusan menyerang Iraq sukar difahami.

"Pada pendapat saya, kami perlu menjelaskan pendirian dan dasar Britain dengan lebih jelas. Kami perlu mengadakan lebih banyak dialog, bukannya mengelak daripada berbincang isu seperti ini. Kerana itu, satu daripada perkara yang saya

lakukan di sini ialah berdialog dengan Pemuda Umno mengenai pencerobohan Israel di Lubnan.

"Saya tidak boleh menolak permohonan mengadakan dialog kerana ia subjek sukar, tetapi saya perlu menjelaskan pendirian Britain. Ramai yang hadir hari itu dan apa mengagumkan saya ialah, walaupun kami tidak bersetuju punca masalah di Asia Barat dan wujud banyak kontroversi mengenai tindakan kami di Iraq atau tindakan Israel di Lubnan, semua pihak bersetuju pentingnya usaha menangani semua isu ini terutama ketidakadilan berlaku di Palestin," katanya.

McCleary yang kelihatan begitu proaktif dalam usaha mengenali lebih dalam mengenai Islam, berkata Perdana Menteri, Tony Blair melabur begitu banyak untuk memastikan rundingan damai di Asia Barat kembali berlangsung.

"Sebagai satu negara daripada kuartet terbabit dalam rundingan itu, hasrat kami adalah memastikan rundingan damai di Palestin dapat dilaksanakan. Kami mempunyai pandangan sama dengan Kerajaan Malaysia bahawa isu Palestin subjek paling kritikal (dalam menangani kemelut antara Barat dan umat Islam hari ini).

"Kerana itu, dengan menunjukkan sikap lebih proaktif, kami berharap dapat mengurangkan perbezaan pendapat," katanya yang menjelaskan usaha Malaysia menerusi konsep Islam Hadhari boleh membantu umat Islam dunia memahami lebih

jelas mengenai Islam.

Beliau menolak dakwaan Barat meletakkan seluruh umat Islam dalam satu 'bakul' kerana apa yang berlaku selama ini berdasarkan persepsi negatif seluruh umat dunia apabila mula melabel manusia dengan bangsa, budaya dan agama.

Memberi contoh Britain memiliki lebih dua juta penganut Islam, kerajaannya hari ini semakin aktif menghantar pelbagai golongan daripada ulama kepada kumpulan pemikir untuk melawat Malaysia bagi melihat melihat urusan pentadbiran agama untuk diterapkan di Britain.

"Kerajaan dan rakyat Britain boleh melihat dengan jelas perbezaan antara Islam sederhana dan pelampau. Kami tidak pernah melihat apa yang berlaku sebagai persembungan Islam dan dunia Barat.


"Pada pendapat saya, majoriti manusia melihat keadaan yang berlaku dalam warna hitam dan putih saja... ia kesilapan besar jika kita mengatakan seluruh umat Islam sama," katanya yang semakin memahami kemelut melanda dunia, selepas berada di Malaysia yang berlandaskan Islam sebagai agama rasmi.

Beliau turut mengakui, sebagai negara pernah menjajah Malaysia, Britain mungkin melakukan kesilapan ketika memperkenalkan dasar pengasingan kaum sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957, namun kejayaan Malaysia merungkai isu perkauman dengan begitu mantap membuatkan beliau teruja untuk mengenali lebih mendalam sejarah serta kejayaan di luar dugaan UK.

Justeru, tugas McCleary masih panjang. Beliau bukan saja perlu menjelaskan dasar luar Britain menyokong penjajahan ala baru Amerika, bahkan dia perlu mengukuhkan semula hubungan dengan Malaysia yang selama ini hanya dipandang dengan 'sebelah mata'.

"Sebagai diplomat tugas saya ialah untuk memecahkan kebuntuan salah faham berlaku, serta menjelaskan perkara sebenar. Saya tidak memiliki tongkat ajaib untuk membetulkan keadaan serta-merta. Ia sudah pasti akan mengambil masa.

"Saya mula dapat meletakkan satu gambaran, tetapi ia belum lengkap. Justeru, amat bongkak sekiranya saya berkata, saya boleh meleraikan semua masalah wujud hari ini dalam tempoh singkat," kata McCleary mengenai pemikiran manusia serta perjalanan kehidupan yang begitu kompleks.



“Sebagai diplomat tugas saya ialah memecahkan kebuntuan salah faham berlaku, serta menjelaskan perkara sebenar. Saya tidak ada tongkat ajaib betulkan keadaan serta-merta. Ia pasti mengambil masa”

Boyd McCleary
Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia